

Rabu, April 01, 2015

[MENGENAI KAMI](#) | [PENYELIDIKAN](#) | [AKADEMIK](#) | [JARINGAN](#) | [ANTARABANGSA](#) | [KEHIDUPAN KAMPUS](#) | [PERKHIDMATAN](#)
 | A- | A | A+ | EN | RU | AR
**BERITA »****UPM dipilih MAFF, Jepun untuk laksana program kerjasama pembangunan makanan**

Oleh Syifarida Muhamad Zaki  
 Foto oleh Noor Azreen Awang



Naib Canselor UPM, Prof. Dato' Dr. Mohd Fauzi Ramli bersama Timbalan Ketua Delegasi, Kedutaan Jepun, Yoshinori Kodama

**PUTRAJAYA, 4 Mac** – Kementerian Pertanian, Perhutanan dan Perikanan (MAFF), Jepun telah memilih Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM) untuk melaksanakan program kerjasama ASEAN – Jepun di dalam mempromosikan penubuhan rantaian nilai makanan global (Global Food Value Chain, GFVC).

Pemilihan UPM berdasarkan kekuatan penyelidikan dan pengajaran dalam bidang pertanian dan industri atas tani.



Perjanjian itu dimeterai oleh Naib Canselor UPM, Prof. Dato' Dr. Mohd Fauzi Ramli dengan Menteri yang juga Timbalan Ketua Delegasi, Kedutaan Jepun, Mr. Yoshinori Kodama semasa majlis perasmian simposium "ASEAN – JAPAN Cooperation Project for Human Resource Development in Food – related Areas through Partnership with Universities in ASEAN Region".

Di dalam mempromosi GFVC ini, MAFF telah mengambil inisiatif untuk mengadakan perbincangan dan kerjasama di antara pihak kerajaan, industri dan akademik dalam menangani isu sekuriti makanan dan kemiskinan di rantau Asia.

Prof. Dato' Dr. Mohd Fauzi berkata UPM berbesar hati dipilih sebagai institusi pengajian tinggi (IPT) dari Malaysia untuk kerjasama program ini.



"Ini merupakan satu penghormatan kepada UPM dalam inisiatif Jepun untuk memperluaskan produk dan teknologi berkaitan industri makanan menerusi kerjasama universiti-universiti ASEAN.

"Program ini meliputi perkongsian makumat dan pengalaman daripada pihak industri asas tani dan makanan dari Jepun kepada pelajar IPT di negara ASEAN," katanya.

Ia sebahagian daripada promosi perubahan rantaian nilai makanan global(GFVC) di Malaysia.